



## Bekal elektrik 2,000 rumah selama 25 tahun

**Shah Alam:** Siapa sangka di bawah Taman Rekreasi Ayer Hitam, Puchong atau lebih dikenali Worldwide Landfills mengandungi 6.2 juta tan metrik sampah yang dibuang sejak awal 1990-an sehingga 2006.

Sebelum ini, sampah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) antaranya Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semuanya dikumpulkan di situ.

Malah, penduduk yang tinggal berhampiran terutama mereka yang baru menetap di situ pasti terkejut jika mengetahui taman yang tersergam indah itu dulunya adalah tapak pelupusan sampah.

Menariknya, di atas tapak terbabit selepas pusat pelupusan itu ditutup, flora kembali tumbuh secara semula jadi diikuti fauna bertandang kembali ke habitat asal mereka dengan sendirinya.

Pengurus Besar Bahagian Alam Sekitar, Worldwide Holdings Zamri Abdul Rahman berkata, 80 peratus tumbuhan yang ada di tapak itu tumbuh secara semula jadi.

"Kami mempunyai lebih 2,000 tumbuhan daripada pokok akasia yang semula jadi tumbuh apabila tapak pelupusan ini ditutup.

"Malah, tapak yang pada dulunya dipenuhi sampah ini juga kini dipenuhi haiwan termasuk burung belibis kembang yang juga spesies burung dilindungi yang menjadikan tempat ini sebagai habitat mereka," katanya.

Menurutnya, tapak itu dijadikan sebagai taman rekreasi dalam usaha memelihara ekosistem serta kelangsungan habitat di ka-

wasan itu.

"Tapak ini dibuat sebagai usaha menghilangkan kawasan serta menambah baik selepas 11 tahun dipenuhi sampah. Jadi kita bangukan bekas tapak pelupusan sampah ini supaya dapat digunakan orang ramai untuk beriadah," katanya.

Apa yang menarik dengan 6.2 juta tan sampah yang tersimpan rapi di bawah taman rekreasi itu, ia mampu menyalurkan bekalan elektrik dengan kuasa dua mega watt yang boleh menampung 2,000 rumah dalam tempoh lebih 25 tahun.

"Kita menempatkan 200 telaga gas yang fungsinya untuk menyedut gas daripada sampah berkenaan.

"Semua gas ini terhasil melalui sampah apabila ia ditanam. Gas daripada sampah ini mampu menghasilkan bekalan tenaga kepada 2,000 rumah.

"Setiap tenaga yang diperbaharui dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan harga 40 sen bagi setiap kilowatt. Dalam masa sebulan kita boleh menjana lebih kurang setengah juta," katanya.

Menurutnya, bekalan tenaga yang baru itu sudah dijana sejak 2004 dan dijangka mampu bertahan sehingga 2030 namun pihaknya menjangka ia berkurangan pada 2025.

"Kami menggunakan mesin khas yang dibeli di Austria untuk menyedut, memproses dan merawat sebelum ia dijadikan sebagai tenaga yang boleh diperbaharui sebelum digunakan untuk tenaga elektrik dan disalurkan kepada grid kuasa TNB dan diagihkan kepada kawasan sekitar," katanya.



PAIP gas yang menyedut gas sampah di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor.

JENTERA yang memproses gas sampah di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor.



NOR Hasma Mohd Hashim menunjukkan air larut resapan (air sampah) yang sudah dirawat berwarna jernih.

